

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan projek tebatan banjir di utara Kedah, khususnya yang melibatkan sektor Kubang Rotan, Kubang Pangas, Jalan Alor Setar-Kangar. Bilakah projek ini dijangka siap?

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah melantik kontraktor penyiap bagi Menyiapkan Baki Kerja Lencongan Sungai Baru (CH 0-ch12600) Serta Kerja-Kerja Berkaitan, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit, Kedah. Pelantikan ini berkuatkuasa pada **9 Mac 2020** dan akan siap pada **8 Mac 2023** dengan tempoh kontrak selama 36 bulan. Harga Kontrak ini menelan belanja sebanyak RM76,614,741.20.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana bahan-bahan plastik pakai buang seperti Pelindung Anggota Perubatan (PPE) dan lain-lain lagi dilupuskan oleh pihak Kementerian. Berapa jumlah unit PPE yang telah digunakan oleh Kementerian Kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal (*Clinical Waste Management Services - CWMS*) di Hospital Kerajaan merupakan salah satu skop di bawah Penswastan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang dilaksanakan oleh Syarikat Konsesi yang dilantik oleh pihak Kerajaan dan perlu mempunyai lesen berdaftar di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk pengoperasian, pengangkutan dan pelupusan sisa klinikal.

2. Penggunaan *Personal Protective Equipment* (PPE) yang lengkap dan betul dapat mengurangkan risiko penularan jangkitan. Semua sisa buangan daripada fasiliti kesihatan termasuk bahan-bahan plastik pakai buang termasuk PPE dikategorikan sebagai sisa klinikal semasa penggunaan bagi pengendalian pesakit COVID-19 dan akan dilupuskan berdasarkan Tatacara Pengurusan Sisa Klinikal. PPE ini akan dikumpulkan dan dilupuskan di loji pelupusan sisa klinikal yang mempunyai teknologi pengawalan pencemaran alam sekitar. Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 1 Julai 2020, sejumlah 123,575,184 unit PPE telah digunakan di fasiliti KKM. Sekian, terima kasih.